

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, June 18, 2019 1:48 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kemasukan Pelajar Baharu Program Asasi Pengurusan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 JUN 2019 / 14 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KEMASUKAN PELAJAR BAHARU PROGRAM ASASI PENGURUSAN



UUM ONLINE: Pelajar Program Asasi Pengurusan telah mendaftar bagi mengikuti pengajian di peringkat pra-ijazah pada sesi kemasukan Sesi 2019/2020 di Inasis TNB.

Pengarah Pusat Asasi Pengurusan, Prof. Madya Dr. Munif Zarirruddin Fikri Nordin mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kedatangan pelajar yang berjaya mendaftar bagi mengikuti program tersebut.

"Selain daripada pencapaian akademik yang cemerlang, di kalangan pelajar yang terpilih ini ada yang memiliki merit kokurikulum seperti pernah mewakili negara ke peringkat antarabangsa dan nasional dalam bidang sukan.

“Satu pencapaian tertinggi dan membanggakan serta mempunyai nilai tambah lain misalnya berbakat dalam seni muzik dan menghafal al-Quran 30 juzuk.

“Jadi saya berharap para pelajar dapat melengkapkan pengajian dengan jayanya di samping menggunakan peluang belajar di UUM dengan sebaik mungkin,” katanya.

Terdahulu, para pelajar mendaftar kemasukan bermula jam 8.30 pagi diikuti Pendaftaran Akademik, Smart Card dan penyerahan cenderamata pelajar.

Pada sesi petang, turut berlangsung Taklimat Kiple Pay iaitu sistem pembayaran tanpa tunai atau ‘cashless’ yang disampaikan oleh Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD) di Dewan Serbaguna SAC.

Menyusul selepas itu, solat berjemaah dan tazkirah di Masjid Sultan Badlishah sejurus sebelum menghadiri Perjumpaan bersama Pengetua/ Felo Inasis TNB, di Dewan Seminar Pusat Islam.

Para pelajar menjalani Minggu Suai Kenal Program Asasi Pengurusan pada 17 hingga 20 Jun ini sebelum memulakan kuliah pada 23 Jun ini.

Sementara itu, pelajar, Wardina Saffia Mohamed Nor Iziff yang bercita-cita menjadi seorang Akauntan teruja dapat melanjutkan pelajaran ke universiti yang sudah lama didambakan.

“Saya memilih UUM kerana antara universiti terbaik di Malaysia dan akan belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan cemerlang sekali gus membanggakan ibu ayah,” luahnya yang pertama kali berjauhan dengan keluarga.

Anak kedua daripada lima beradik ini berhasrat untuk menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perkaunan di UUM selain ingin menimba pengalaman di kampus dengan menyertai pelbagai aktiviti.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.